

Era perubahan sistem pendidikan

B. HARIAN 19/01/07 - NMC 11
Pelan tindakan mampu tingkat potensi individu menyeluruh, bersepadu

Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (2006-2010)

- Pelan tindakan adalah satu bentuk komunikasi langsung antara pembuat dasar dengan pihak yang akan melaksanakan setiap polisi yang sudah disusun rapi oleh pakar
- Menjadi panduan kepada guru, guru besar, pengetua dan pegawai JPN serta PPD melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing secara lebih terancang, terarah dan berfokus.
- Dokumen disediakan membolehkan warga Kementerian menghayati setiap dasar yang diwujudkan, memahami sepenuhnya matlamat dan sasaran yang ingin dicapai dan menterjemahkan dasar itu kepada bentuk tindakan pada peringkat masing-masing.
- Pelan induk sepatutnya menjadi permulaan kepada perubahan daripada sistem pentaksiran dan penilaian berasaskan peperiksaan ala-Cambridge sekarang kerana kaedah pentaksiran di Malaysia sekarang terlalu berfokus kepada menghafal kandungan.
- Pelan menyediakan asas bagi membangunkan sistem pendidikan yang dihormati masyarakat antarabangsa dan dijadikan penanda aras kepada sistem pendidikan negara lain.

ada guru, guru besar, pengetua dan ibu bapa menyambut pelan induk itu sebagai pelan tindakan untuk mereka.

Beliau yang kini berkhidmat sebagai Pengerah, Pusat Serantau Perancangan Dasar dan Kepemimpinan Penyelidikan, Emiriyah Arab Bersatu berkata, dokumen berkenaan digubal oleh pembuat dasar menggunakan bahasa dan tumpuan yang di-

fikirkan sesuai dengan perancangan atau dasar pembangunan negara.

(Pusat serantau itu adalah agensi di bawah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) ditempatkan di University City Al Sharjah).

Katanya, golongan profesional dalam bidang penggubalan kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran mestilah tampil untuk melakukan pengisian kepada pelan induk berkenaan. Pelan itu seharusnya mewujudkan pemimpin pada peringkat pelaksanaan kerana pihak itulah yang akan menjadikan perancangan sebagai tindakan.

"Kesatuan guru, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, Persatuan Pentaksiran mestilah berani menjadikan pelan ini sebagai milik mereka, iaitu mengilhamkan pelan induk dan mengubahnya menjadi pelan tindakan yang difahami pada peringkat pelaksanaan kerana merekalah yang akan mengisi perancangan pada peringkat pusat.

"Kita mesti ada pemimpin hebat pada peringkat akar umbi untuk menjadikan perancangan ini sebagai kenyataan kerana pelan yang disusun pemimpin terkemuka belum tentu dapat dilaksanakan pada peringkat bawah.

"Selepas 50 tahun merdeka, kita mempunyai banyak pelan induk yang disusun dengan kekuatan politik, pelan induk oleh golongan birokrasi dan pelan induk oleh pemikir ekonomi tetapi tiada pelan tindakan oleh profesional yang akan melaksanakan dasar," katanya yang juga Presiden Persatuan Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Malaysia.

Dr Ibrahim berkata, pelan induk berkenaan sepatutnya menjadi permulaan kepada perubahan daripada sistem pentaksiran dan penilaian berasaskan peperiksaan ala-Cambridge sekarang. Sistem ala-Cambridge sebenarnya bertumpu kepada penilaian kecerdasan daya intelektual sedangkan kapasiti kecerdasan manusia lebih banyak daripada hanya kebijaksanaan akademik.

Malangnya, kata beliau, kaedah pentaksiran di Malaysia sekarang terlalu berfokus kepada menghafal kandungan.

"Antara sistem yang lebih sesuai ialah Scholastic Assessment Test (SAT) yang di-

gunakan di Amerika Syarikat dan International Baccalaureate (IB) yang dimulakan di Perancis tetapi kini diterima oleh kebanyakan negara maju.

"SAT dan IB menguji secara lebih umum seperti kemahiran bahasa, kemahiran matematik dan penguasaan logik.

"Ujian tidak hanya bertumpu kepada apa yang dipelajari dalam kelas tetapi juga apa yang diperolehi daripada pergaulan seharian atau pengalaman hidup biasa," kata bekas Pengerah Institut Aminudin Baki itu.

Pelan itu menyediakan asas bagi membangunkan sistem pendidikan yang dihormati masyarakat antarabangsa dan dijadikan penanda aras kepada sistem pendidikan negara lain. Komitmen semua pihak itu membolehkan matlamat sistem pendidikan tercapai seperti yang diringkaskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu:

"Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

"Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara."

Pelan lima tahun itu penting kerana pelan itu menyediakan asas yang kukuh untuk melonjakkan sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih tinggi dan menjadikannya bertaraf dunia. Asas itu amat penting ke arah membantu kejayaan Misi Nasional dan Wawasan 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam ucapan di Dewan Rakyat Mac lalu mempunyai impian, "Semoga akan terbina tamadun agung yang dihormati di persada dunia".

Pelan sudah dimuat naik di laman web Kementerian Pelajaran dan semua pihak yang berkepentingan dalam pendidikan boleh memberi pandangan mereka mengemulakannya kepada Kementerian Pelajaran dengan menghantar e-mel kepada - pelan.pembangunan@moe.gov.my.

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

PELAN Tindakan Pembangunan Pendidikan (2006-2010), ibarat buku manual yang menerangkan dari A hingga Z mengenai sejarah, konsep, perancangan, pelaksanaan dan program pemulihan dalam pendidikan negara.

Dokumen itu adalah satu bentuk komunikasi langsung antara pembuat dasar dengan pihak yang akan melaksanakan setiap polisi yang sudah disusun rapi oleh pakar pendidikan berpengalaman luas dalam bidang masing-masing dan ahli akademik yang mendapat input dari luar negara.

Pelan tindakan itu seharusnya menjadi panduan jelas kepada pemimpin pendidikan pada peringkat akar umbi iaitu penjawat di Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), guru besar dan pengetua. Malah, lebih 320,000 guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara sepatutnya akan lebih terbuka dan disegarkan kefahaman mereka mengenai tugas mereka mendidik anak bangsa.

Komunikasi secara langsung dengan pelaksana dasar ini amat penting kerana dasar yang digubal dengan baik, belum tentu dapat dilaksanakan dengan jayanya pada peringkat bawah. Kejayaan pelan induk itu bergantung kepada kefahaman dan komitmen warga Kementerian Pelajaran terhadap dasar dan strategi pelaksanaannya.

Pelan tindakan itu adalah panduan kepada guru, guru besar, pengetua dan pegawai JPN serta PPD melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing secara lebih terancang, terarah dan berfokus.

Dokumen itu membolehkan warga Kementerian menghayati setiap dasar yang diwujudkan, memahami sepenuhnya matlamat dan sasaran yang ingin dicapai dan menterjemahkan dasar itu kepada bentuk tindakan pada peringkat masing-masing.

Tokoh pendidikan, Prof Datuk Dr Ibrahim Bajunid berpendapat semua golongan profesional dalam pendidikan sama